

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN:** 41/JMM/S/12/91 (2024/2025)  
**TAJUK TAWARAN:** TERM CONTRACT (36 MONTHS) FOR CLEANING AND UPKEEPING WORKS AT ROYAL REGALIA MUSEUM AND BRUNEI ENERGY HUB DERMAGA DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. Tawaran dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor Kementerian Pembangunan yang sah dalam Kategori Kerja **S02 (Perkhidmatan Pembersihan/ Janitorial Services within a building and its perimeter) - Kelas III, IV atau V sahaja.**
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen Tawaran boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Jabatan Muzium-Muzium, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iatu dari pukul 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dari pukul 2.00 petang hingga 3.00 petang kecuali Hari Sabtu sehingga pukul 10.00 pagi sahaja.
4. **Yuran Tawaran** bagi setiap borang adalah **B\$30.00 (Ringgit: Tiga Puluh Ringgit Sahaja)** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (bona-fide tender).
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
SIMPANG 336-17, JALAN KEBANGSAAN  
BANDAR SERI BEGAWAN BA1210  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Sebarang pertanyaan pihak penender hendaklah menghubungi *Officer In-charge (OIC)* iaitu:

<b>NO</b>	<b>NAMA PEGAWAI</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>NO TELEFON BIMBIT</b>
1	Dyg Hajah Shariana binti Haji Naim	Pegawai Muzium	8842564
2	Dyg Rosmah @ Nur Hurul 'Ain binti	Pembantu Teknik	8788416

	Haji Abd Rashid		
3	Noriada Emela binti Abdullah	Pegawai Muzium	8145005
4	Jahrani binti Haji Abas	Pegawai Muzium	8831069

7. Penender yang ikut serta **DIMESTIKAN HADIR** semasa sesi **Information Day / Site Briefing** pada tarikh **30 DISEMBER 2024 (HARI ISNIN) PUKUL 9 PAGI DI MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA** di mana kehadiran adalah dimestikan. Penender yang gagal hadir semasa lawatan ke tapak projek boleh menyebabkan tawaran untuk tidak dinilai.

8. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **Peti Tawaran (\*Peti berwarna BIRU)** yang disediakan di:

**Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut Tetamu  
(depan kaunter sekuriti)  
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat hari Selasa, 07 Januari 2025, pukul 2 petang.**

9. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

10. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Borang Tawaran dan Borang Pengakuan Penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.

11. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan resit pembayaran yuran tawaran.

12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

13. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda mengikut peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).